

<b>Headline</b>	<b>Kelestarian hutan bandar</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>07 Apr 2014</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>	<b>Circulation</b>	<b>173,387</b>
<b>Page No</b>	<b>8,9</b>	<b>Readership</b>	<b>699,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>1828 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 36,461</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 109,383</b>



© MegaAlam

# Kelestarian hutan bandar

Kerjasama PPj, FRIM bangunkan sistem elektronik urus aset hidup di Putrajaya

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD  
sains@utusan.com.my

MENGHAYATI suasana kehijauan walaupun di mana sahaja anda berada amat menenangkan fikiran selain menyihatkan tubuh badan.

Kesedaran untuk menghijaukan bumi telah lama wujud di negara ini, malah sejak penjajahan Inggeris di tanah Melayu.

Kerajaan Inggeris yang menjajah Tanah Melayu telah mewujudkan pelbagai taman-taman awam untuk mengindahkannya dan legasi tersebut diteruskan sehingga kini.

Pelbagai taman diwujudkan, pokok-pokok ditamatan sekitar bandar bagi menghijau serta menyekujur suasana. Namun sedarkan kita usaha untuk mengekal dan menguruskannya amat mencabar.

Bagi memastikan kelestarian pengurusan alam sekitar tersebut, pelbagai agensi turut menyatakan komitmen dan antaranya adalah Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia menerusi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah memeterai memorandum persefahaman (MoU).



DR. ASEH CHE MAT

Menerusi MoU tersebut, PPj dan FRIM telah bekerjasama membangunkan satu sistem elektronik bagi tujuan menyediakan inventori dan mengurus aset hidup kategori tumbuhan Putrajaya.

Perkara tersebut diumumkan oleh Presiden PPj, Tan Sri Dr. Aseh Che Mat pada perasmian Seminar Kebangsaan Pengurusan Kawasan Hijau 2013: Kawasan Hijau dan Taman Awam, Transformasi untuk Kesejahteraan Rakyat.

Jelasnya, sistem yang dikenali sebagai Sistem Inventori dan Pengurusan Pokok (SIPP) itu telah mulia digunakan sejak Ogos tahun lalu dan dijangka dapat dikongsikan bersama pihak yang terlibat dalam menguruskan kawasan hijau di negara ini.

Dengan wujudnya SIPP, FRIM akan berfungsi sebagai pelaksana projek perintis pembangunan sistem pintar bagi membantu dalam pengurusan pokok secara menyeluruh.

"Projek perintis SIPP ini juga dapat membantu PPj dan FRIM merealisasikan hasrat meningkatkan kualiti landskap dan pendidikan alam sekitar dalam program berasaskan alam semula jadi di Putrajaya," katanya.

Tambahnya, kerjasama tersebut meliputi aspek botanikal, biodiversiti, hutan bandar mampan, pengurusan dan penyelenggaraan landskap, pendidikan


Dengan wujudnya SIPP, FRIM akan berfungsi sebagai pelaksana projek perintis pembangunan sistem pintar bagi membantu dalam pengurusan pokok secara menyeluruh

alam sekitar dan pelbagai apsek berkaitan alam semulajadi.

Dalam pada itu, seminar selama dua hari dan disertai lebih 100 peserta yang terdiri daripada pengamal perhutanan bandar, pengurusan kawasan hijau dan taman awam dari seluruh tanah air itu diadakan bagi menyediakan platform untuk berkongsi pengetahuan dan pandangan bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan status pembangunan dan pengurusan kawasan hijau di negara ini.

Seminar tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Datuk Seri Zol Azha Yusof.

Yang turut hadir pada majlis tersebut adalah, Timbalan Ketua Setiausaha



ZOL Azha Yusof (enam dari kiri) dan Dr. Aseh Che Mat (tujuh dari kiri) bergambar bersama-sama pengurusan kanan Perbadanan Putrajaya dan FRIM pada majlis perasmian Seminar Kebangsaan Pengurusan Kawasan Hijau 2013 di Putrajaya baru-baru ini.

<b>Headline</b>	<b>Kelestarian hutan bandar</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Date</b>	<b>07 Apr 2014</b>	<b>Circulation</b>	<b>173,387</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>	<b>Readership</b>	<b>699,000</b>
<b>Page No</b>	<b>8,9</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>1828 cm<sup>2</sup></b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 36,461</b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 109,383</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>		



**AlamMega**

## Kesedaran rakyat meningkat

SALAH seorang peserta yang membentangkan kajian adalah **Dr. Lim Hin Fui** dari FRIM berkenaan *Manfaat Sosio-Ekonomi Kawasan Hijau dan Taman Awam*.

Menurutnya, rata-rata rakyat negara ini amat menyukai aktiviti beriadah di kawasan taman awam.

“Daripada kajian yang dilakukan di taman-taman awam sekitar Shah Alam, Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Taiping di Perak mendapat hampir 88 peratus pengunjung datang ke taman tersebut untuk beriadah.

“Malah, sejumlah 60 peratus daripada pengunjung tersebut adalah golongan profesional dan bekerja menjunjung kawasan taman amat penting buat mereka yang penat bekerja untuk merehatkan minda dan badan,” katanya ketika membentangkan kertas kajian.

Tambah Dr. Hin Fui, pengunjung taman juga terdiri daripada pelbagai golongan bermula daripada pelajar, bala bawahan (menurut kadar gaji) dan menengah.

Malah, katanya 78 peratus pengunjung sanggup mengeluarkan kos sekitar RM0.50 hingga RM6 untuk mengunjungi kawasan taman yang diuruskan dengan baik.

Secara puratanya, pengunjung juga sanggup mengeluarkan kos sebanyak RM4.77 hingga RM5 sebagai sumbangan dan penghargaan terhadap kewujudan kawasan taman awam.

Dalam kajian tersebut juga turut menyatakan bahawa semakin tinggi pendapatan seseorang itu maka semakin tinggi juga kesanggupan mereka menyumbangkan wang untuk menikmati ketenangan dan kehijauan di kawasan bandar.

Soal selidik tersebut menunjukkan betapa pentingnya kawasan hijau (taman awam) diwujudkan di kawasan bandar bagi mengurangkan tekanan warga kota yang sering sibuk dengan pelbagai perkara.

Sementara itu, seorang pengkaji, juga dari FRIM, **Ahmad Azaruddin Mohd. Noor** menyatakan keperluan terhadap kapakan ahli aboris - seseorang yang profesional dalam praktis aborikultur- dalam pengurusan kawasan hijau di bandar.

“Terdapat pelbagai masalah dalam menanam pokok di kawasan bandar seperti faktor tanah yang tidak subur, kaedah penanaman, koordinasi dan kerjasama antara agensi yang terlibat serta aspek negatif pokok.

“Antara aspek utama yang perlu diberi perhatian adalah kejadian pokok tumbang yang mana memerlukan pokok-pokok ini dipantau secara berjadual sepanjang masa,” katanya.

Pendedahan kerjaya sebagai seorang aboris juga sangat kurang diketengahkan di Malaysia menjadikan kumpulan pakar tersebut amat terhad.

### Fakta

→ Aboris merupakan seseorang yang pakar dalam mengendalikan tumbuhan terutamanya pokok darida segi proses pemantauan keadaan, kesihatan, perseputan, dan kesesuaian spesies yang boleh ditanam di kawasan bandar yang terhad.

→ Sehingga kini PBT hanya memiliki 11 peratus aboris dalam kalangan kakitangan agensi tersebut dan selebihnya menggunakan tenaga pakar aboris daripada luar.

Antara penyelesaian yang dicadangkan oleh Ahmad Azaruddin adalah seperti pengumpulan maklumat yang lebih komprehensif amat diperlukan, penanaman kepelbagaiannya yang bersesuaian, ruang penanaman yang mencukupi serta koordinasi antara agensi yang terlibat.

Sementara itu, pegawai penyelidik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Mazifah Simis** berkata, keperluan terhadap taman-taman awam yang sesuai masa kini adalah dua ekar bagi 1,000 orang penduduk.

Namun katanya, kawasan bandar memiliki nilai hartanah yang tinggi menjadikan keperluan tersebut terpaksa diketepikan untuk pembangunan yang lebih penting.

“Kepatas pembangunan masa kini tidak menghalang untuk kita membina taman-taman awam sebagai solusi yang paling sesuai adalah membina taman awam di atas tapak pelupusan sampah.

“Menurut kajian yang dilakukan pada 2012, terdapat hampir 296 tapak pelupusan dan 13 tapak yang telah di tutup (bekas tapak pelupusan sampah) di Selangor sahaja, justeru kawasan ini perlu dibangunkan mengikut kesesuaian kawasan sekitarinya,” katanya.

Tambah Mazifah, antara cabaran yang besar untuk menghijaukan kawasan tersebut adalah untuk memastikan kelangsungan hidup pokok-pokok yang baharu ditanam di kawasan bekas tapak pelupusan sampah.

Jika dilihat negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan sebagainya turut mencegalkan serta memperbaikkan kawasan lapang dan hijau di negara-negara mereka bagi memastikan kelestarian alam sekitar dan juga keharmonian kehidupan rakyatnya.

Apa yang penting maklumat yang mencukupi merupakan input penting agar segala keputusan yang terbaik dapat dilakukan dalam merangka strategi pembangunan dan pengurusan pokok, kawasan hijau, dan taman awam seluruh negara.



**AHMAD AZARUDDIN MOHD NOOR**



**MAZIFAH SIMIS**